



**JABATAN UKUR BANGUNAN  
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**KAJIAN KEBERKESANAN PERLAKSANAAN GARIS  
PANDUAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM(RIBI) OLEH  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

**SITI AZLINA BINTI JUSOH  
(2007289818)**

**IJAZAH SARJANA MUDA UKUR BANGUNAN (KEPUJIAN)**

**APRIL 2009**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan perkenanNya akhirnya dapat saya menyiapkan satu kajiselidik, projek akademik bagi melengkapkan pengajian saya di dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian). Insyallah diharapkan projek akademik ini dapat menjadi rujukan dan panduan kepada pihak-pihak yang berkehendakkan untuk memahami pelaksanaan Garis Panduan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dengan lebih jelas.

Dikesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dan telah memberi kerjasama bagi menyiapkan laporan ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Sr. Md Nadzari bin Mohd Jalil selaku penyelia yang telah banyak meluangkan masa dalam membimbing dan sebagai rujukan saya menyempurnakan projek akademik ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Ukur Bangunan yang telah memberi nasihat dan tunjuk ajar yang tidak jemu-jemu dan Encik Mohamad Sufian Bin Hasim selaku coordinator akademik projek I, serta Cik Rohimah Khoriyah Harahap selaku coordinator akademik projek tahun akhir Jabatan Ukur Bangunan.

## **ABSTRAK**

Garis Panduan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa adalah untuk dipatuhi oleh semua masyarakat. Garis panduan merupakan kenyataan bertulis yang mengandungi panduan yang menjadi rujukan dalam memajukan pembangunan. Ianya digunakan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) dalam mengawal pembangunan. Setiap pemajuan oleh sesiapa pun perlu mengikuti garis panduan yang ditetapkan, tidak terkecuali rumah ibadat sekalipun perlu mematuhi.

Perlaksanaan garis panduan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) seperti garis panduan lain-lain pembangunan, membantu bagi menyedarkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBPT mengenai perkara-perkara yang bertentangan dengan prinsip perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap garis panduan ini adalah satu pendekatan yang penting bagi mengelakkan ketegangan diantara kerajaan dan kaum-kaum yang ada di negara ini.

Matlamat garis panduan ini diwujudkan adalah untuk panduan dan rujukan dalam mengawal pembangunan RIBI agar bersifat seragam, selesa dan selamat dalam aktiviti guna tanah untuk membuktikan dakwaan pihak tertentu bahawa tidak ada kesaksamaan dan timbang rasa kerajaan untuk membina rumah ibadat mereka adalah salah sama sekali.

Fokus kajian ini adalah untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan garis panduan RIBI yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Jabatan Kawalan Bangunan. Tiga jenis RIBI dibawah satu pentadbiran PBT, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah dipilih sebagai kajian kes iatu Kuil Sri Sithi Vinayagar, Tokong Poh Lum Fatt Yuen dan Gereja Assumption.

Diakhir kajian ini faktor-faktor keberkesanan, kebaikan dan kelemahan pelaksanaan garis panduan RIBI oleh PBT dianalisa dan dikenalpasti sebelum cadangan penambahbaikan di kemukakan.

Hasil daripada kajian dapat dilihat bahawa keberkesanan pelaksanaan garis panduan RIBI adalah diperingkat sederhana dan belum mencapai objektif dan matlamat kewujudanya seratus peratus, oleh yang demikian beberapa cadangan penambahbaikan perlu dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat.

<i>Kandungan</i>	<i>Mukasurat</i>
<i>PERAKUAN</i>	i
<i>PENGHARGAAN</i>	ii - iii
<i>ABSTRAK</i>	iv - v
<i>SENARAI FOTO, GAMBARAJAH DAN JADUAL</i>	vi - vii

## **BAB 1.0 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Isu-isu Berkaitan	1
1.3 Objektif Kajian	2
1.4 Skop Kajian	3
1.5 Batasan Kajian	6
1.6 Kaedah Kajian	7
1.7 Carta Alir Kaedah Kajian	8
1.8 Faedah Kajian	9

## **BAB 2.0 RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)**

2.1 Latarbelakang	10
2.2 Pengertian/Definisi Rumah Ibadat	13
2.2.1 Rumah Ibadat Islam (Masjid)	14
2.2.2 Rumah Ibadat Kristian (Gereja)	17
2.3.3 Rumah Ibadat Buddhisme (Tokong)	20
2.3.4 Rumah Ibadat Hinduisme (Kuil)	21
2.3.5 Rumah Ibadat Sikhisme (Gurdwara)	24

## **3.0 PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN PROSES KELULUSAN PELAN BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)**

3.1 Pengenalan PBT	26
3.2 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	28
3.2.1 Sejarah Pihak Berkuasa Tempatan	28
3.2.2 Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan	32